

Keindahan Nasihat Dan Sindiran Dalam Pantun Peribahasa Melayu Gubahan Loo Mun

The Beauty Of Advice And Satire In Malay Proverbial Pantuns Composed By Loo Mun

Nur Syazwani Mohd. Rafi
¹Rahimah Hamdan

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Correspondence email: ¹rahimahh@upm.edu.my

ABSTRAK

Kesusasteraan Melayu Tradisional memperlihatkan keintelektualan akal budi dan pemikiran masyarakat yang menghasilkannya. Beberapa bentuk hasil karya seperti prosa dan puisi mewarnai korpus kesusasteraan Melayu berteraskan estetika dan falsafah yang tersendiri. Misalnya bentuk pantun yang masih popular sehingga kini. Tambah mengkagumkan apabila Pantun Peribahasa Melayu turut diminati oleh pengarang bukan Melayu seperti Goh Thean Chye atau nama penanya Loo Mun. Beliau merupakan seorang penulis yang seringkali menggunakan pantun sebagai wahana untuk menyampaikan pemikirannya. Justeru, apakah amanat yang dominan dalam Pantun Peribahasa Melayu gubahan Loo Mun ini? Bagaimana keindahan aspek yang dominan ini digubah oleh Loo Mun dalam karya tersebut? Ini merelevankan objektif kajian ini iaitu mengenal pasti dan menganalisis keindahan aspek nasihat dan sindiran dalam Pantun Peribahasa Melayu gubahan Loo Mun. Metodologi menerusi kaedah analisis teks menggunakan Teori Keindahan Braginsky terhadap Pantun Peribahasa Melayu gubahan Loo Mun (1968). Aktiviti-aktiviti yang dilakukan adalah mengenalpasti definisi keindahan, menjelaskan dan menganalisis keindahan aspek nasihat dan sindiran yang diketengahkan dalam Pantun Peribahasa Melayu oleh Loo Mun. Dapatan kajian menunjukkan pantun peribahasa yang digubah oleh Loo Mun banyak memfokuskan kepada aspek nasihat dan sindiran. Kajian ini membuktikan bahawa Loo Mun berjaya menggunakan keindahan dalam peribahasa Melayu dalam bentuk pantun demi menambat hati khalayak yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Secara tidak langsung membuktikan bahawa pantun merupakan khazanah masyarakat tradisional yang tinggi nilai keindahannya sehingga mampu memapar pengajaran sarat dengan pendidikan kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira ras, bangsa dan agama.

Kata kunci: pantun, keindahan, peribahasa, Loo Mun, Braginsky

ABSTRACT

Traditional Malay literature reflects the intellectualism and thought of the society that produced it. Various forms of works such as prose and poetry color the corpus of Malay literature, grounded in their own aesthetics and philosophy. For example, the pantun form remains popular to this day. It is particularly impressive that Malay Proverbial Pantuns are also appreciated by non-Malay authors such as Goh Thean Chye, who writes under the pen name Loo Mun. He is a writer who frequently uses pantuns as a medium to convey his thoughts. Therefore, what is the dominant message in Loo Mun's Malay Proverbial Pantuns? How has the beauty of this dominant aspect been crafted by Loo Mun in his work? This underscores the objective of this study, which is to identify and analyze the beauty of the advisory aspect in Loo Mun's Malay Proverbial Pantuns. The methodology involves text analysis using Braginsky's Theory of Beauty on Loo Mun's Malay Proverbial Pantuns (1968). Activities conducted include identifying the definition of beauty, explaining, and analyzing the beauty of the advisory aspect highlighted in Loo Mun's Malay Proverbial Pantuns. The findings of the study show that the proverb

pantuns composed by Loo Mun largely focus on the aspect of advice. This study proves that Loo Mun has successfully used the beauty in Malay proverbs in the pantun form to captivate audiences of various ethnicities. Indirectly, it proves that pantuns are a treasure of traditional society with high aesthetic value, capable of conveying rich educational lessons to all segments of society, regardless of race, ethnicity, or religion.

Keywords: *pantun, beauty, proverb, Loo Mun, Braginsky*

1. Pengenalan

Menurut Salinah Jaafar (2005: 41), kesemua bentuk pepatah, pantun, pantun peribahasa, peribahasa, kata perbilangan, kiasan dan simpulan bahasa atau idiom merupakan cara yang halus dalam memperkatakan sesuatu yang tersurat atau tersirat, telah menjadikan bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa yang unik dan indah. Oleh itu, setiap patah perkataan yang digunakan dalam idiom dan pantun mempunyai nilai estetika dan fungsi leksikal yang tersendiri. Menurut beliau lagi, pantun yang disusun dengan rima dan lagu yang memberikan gambaran kehalusan budi menjadi identiti penting dalam bahasa Melayu.

Seterusnya dalam membicarakan mengenai peribahasa, Harun Mat Piah (1999: 459) mengatakan bahawa peribahasa mengandungi nilai puisi yang penting, yang disusun dalam baris tertentu dalam satu rangkap melalui pemilihan kata yang mengikut pertimbangan rima dan irama. Justeru, hal inilah yang dapat dilihat dalam pantun, melalui penggunaan bahasa yang berirama menjadikan peribahasa dan simpulan satu madah yang indah didengar walaupun di dalamnya mengandungi sindiran atau pengajaran yang tidak biasa atau bahasa basahan. Jelaslah, penggunaan sumber alam yang sememangnya relatif dengan masyarakat Melayu tradisi mengindahkan lagi citra luahan perasaan dan kiasan dalam bahasa Melayu.

Selain itu, pantun peribahasa pula menggabungkan dua unsur seni masyarakat Melayu iaitu pantun dan peribahasa. Semua pantun peribahasa ini membawa pelbagai tema seperti nasihat, sindiran, kasih sayang dan jenaka. Dalam pantun, unsur yang paling penting ialah bahasa yang sedap didengar dan tidak janggal yang berupaya mengangkat makna peribahasa. Peribahasa boleh diletakkan di bahagian pembayang atau maksud. Ini membawa kepada jika pembayangnya bebas seperti mengambil unsur alam, maka bahagian maksud pantun membawa unsur peribahasa dan maknanya. Peribahasa dan pantun terbukti dapat berjalan seiring dalam masyarakat Melayu sejak dahulu. Maka, luahan hasrat, teguran atau sindiran dalam percakapan disampaikan melalui peribahasa atau pantun adalah halus dan tajam maknanya (Khadijah Hashim, 2015: vi).

Puisi Melayu tradisional seperti pantun dan peribahasa yang merupakan seni sastra yang diucapkan dan digunakan dalam kehidupan masyarakat di Nusantara. Hal ini juga menjadikan mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu pasti akan mengenali peribahasa dan pantun. Namun begitu, di dalam menghargai warisan tradisional ini, telah didapati bahawa mereka yang bukan berbangsa Melayu turut berminat dalam mengkaji tentang puisi tradisional ini. Malahan turut menulis karya mereka di dalam bahasa Melayu.

Ini dapat dibuktikan melalui seorang pengarang berbangsa Cina yang menulis karyanya di dalam bahasa Melayu. Pengarang tersebut ialah Loo Mun. Menurut Hussain Itam (1961: 1) di bahagian pengenalan ringkas tentang Loo Mun, beliau menerangkan bahawa Loo Mun ialah seorang penyajak muda yang berbangsa Cina. Nama sebenar beliau ialah Goh Thean Chye dan sering menggunakan nama pena yang lain seperti Tee Tou Chen Chen, Eu Yoong Kang Fong dan nama-nama lain dalam tulisannya. Loo Mun menulis karangan, cerita pendek, sajak dan pantun. Tetapi yang terbanyak ditulis beliau ialah pantun dan sajak. Beliau sudah mula menulis sejak tahun 1950, dalam usia 12 tahun. Sehingga kini, Loo Mun telah menghasilkan kira-kira 600 buah sajak berbahasa Cina dan 120 Pantun Melayu. Jelasnya,

saudara Loo Mun merupakan seorang penyajak yang penting yang kerana karya sastera beliau mempunyai nilai yang baik kerana hakikat bahasa yang digunakan oleh beliau mudah difahami oleh para pembaca.

Salah satu daripada karya Loo Mun ialah *Pantun Peribahasa Melayu* (1968) merupakan sebuah karya yang mengandungi 80 rangkap Pantun Peribahasa. Kandungannya meliputi beberapa tema seperti ilmu, nasihat, cinta, kehidupan, manusia, kebudayaan, jiwa, seteru, peribadi, kiasan, istiadat, persamaan, kedermawanan, bidalan, pepatah, kekhuatiran, perumpamaan dan lain-lain. Sehubungan itu, puisi tradisional yang diwarisi oleh masyarakat Melayu merupakan sesuatu yang mengkagumkan jika mampu menarik pengarang yang bukan berbangsa Melayu untuk menonjolkan keunikan dan kemampuan mereka dalam berkarya terutama puisi tradisional. Pengarang bukan Melayu seperti Loo Mun, Ding Chu Meng dan Liaw Yock Fang menonjolkan kebolehan dalam menghasilkan karya berbentuk sastera Melayu tradisional. Tambahan pula, setiap karya yang dihasilkan memiliki nilai intelektual yang boleh diteladani oleh masyarakat secara universal tanpa mengira perbezaan ras, agama dan agama. Ini memaparkan kebolehan dan jati diri mereka sebagai seorang yang meminati sastera Melayu tradisional dapat dilihat melalui karya yang berjaya dihasilkan dan dijadikan rujukan serta kajian sehingga kini.

Seterusnya, dalam menerangkan konsep keindahan, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 573) telah mendefinisikan 'keindahan' sebagai perihal yang indah, kecantikan, keelokan. Konsep ini secara tidak langsung menunjukkan segala yang indah, yang cantik, yang elok dikatakan sebagai sesuatu yang indah secara luaran. Berbeza pula dengan sesetengah sarjana yang mengaitkan keindahan dengan dalaman iaitu melibatkan jiwa atau emosi. Menurut Rais Yatim (2013: 25), 'indah' mempunyai kaitan dengan 'bahasa yang indah' yang pada akhirnya akan menghasilkan sesuatu yang seronok didengar dan mencuit jiwa bila diungkapkan. Hal ini dihubungkan secara rapat dengan budaya masyarakat Melayu yang menggunakan puisi-puisi dengan gaya bahasa yang indah. Oleh itu, sesuatu ayat yang digarap dengan sifat seni akan mendengarkan irama yang indah dan tersusun.

Sehubungan dengan itu, Muhammad Haji Salleh (2006: 213) juga menyatakan 'yang indah- indah' sebagai suatu sifat cerita atau bahasa atau lukisan watak yang dapat meninggalkan kesan kepada khalayaknya seperti perasaan sedih, hiba, rawan dan sebagainya. Hal ini juga seiring dengan pendapat Braginsky (1994: 7), yang memetik pandangan ilmuwan Islam mengenai konsep 'keindahan' iaitu Imam Ghazali yang mengistilahkan keindahan dalaman itu sebagai *mujarad* dan keindahan luaran itu sebagai *maujud*. Menurut beliau lagi, keindahan *maujud* itu adalah keindahan yang terdedah kepada penglihatan dan dapat dicerap oleh pancaindera, manakala keindahan *mujarad* itu terlindung dan hanya dicerap oleh akal. Maka, objektif di dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis keindahan peribahasa yang bertemakan nasihat dan sindiran di dalam *Pantun Peribahasa Melayu* (1968) oleh Loo Mun dengan mengaplikasikan Teori Keindahan Braginsky melalui prinsip Psikologi Persepsi Keindahan.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Tinjauan Literatur Mengenai karya Loo Mun

Kajian berkaitan karya Loo Mun telah dilaksanakan oleh Johari Yahya (2015) yang bertajuk *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini membincangkan mengenai falsafah peribahasa Melayu berdasarkan analisis pendekatan moral dan analisis pendekatan gunaan yang terkandung di dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Dengan menggunakan pendekatan moral, pengkaji telah menerangkan nilai-nilai moral dan

pengajaran yang dapat terdapat di dalam baris peribahasa yang terdiri daripada pelbagai tema secara umum. Seterusnya, pengkaji menghuraikan tentang pemilihan simbol alam yang sering dikaitkan dengan perlakuan masyarakat Melayu. Di samping itu, pengkaji turut menerangkan dapatan kajian melalui analisis pendekatan gunaan yang memfokuskan kepada pemikiran masyarakat Melayu yang sering dimasukkan ke dalam pantun. Menerusi pendekatan yang dilaksanakan, telah didapati bahawa nilai-nilai kemelayuan menjadi dasar kepada cara hidup orang Melayu itu sendiri. Jelaslah, keindahan pantun merangkumi keindahan bahasa, struktur dan makna yang mewakili masyarakat Melayu. Walaupun kajian ini akan menggunakan teks kajian yang sama, tetapi kajian ini akan memfokuskan kepada peribahasa yang bertemakan nasihat dengan menggunakan prinsip di dalam Teori Keindahan Braginsky. Nasihat yang dipilih akan dibahagikan kepada beberapa bentuk mengikut kesesuaian mesej.

Seterusnya kajian yang bertajuk *Unsur Keindahan dan Nilai Murni dalam Pantun Melayu gubahan Loo Mun* berdasarkan Teori Puitikan Sastera Melayu telah dijalankan oleh Goh Hin San dan Azhar Wahid (2023). Kajian ini memperincikan aspek keindahan bahasa, bentuk dan keindahan dalam mengajar dan mendidik berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu gagasan Muhammad Haji Salleh. Aspek keindahan bahasa telah berjaya menemukan empat unsur gaya bahasa iaitu metafora, personifikasi, gaya pengulangan dan simili. Unsur-unsur ini berkait rapat dengan alam dan realiti budaya masyarakat Melayu. Selain itu, pantun gubahan Loo Mun berjaya memperlihatkan penerapan nilai murni sebelum pembentukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dalam sistem Pendidikan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan usaha yang dilakukan oleh Loo Mun dalam memartabatkan sastera Melayu patut dipuji kerana ianya dapat menghibur khalayak masyarakat bukan Melayu dengan penggunaan bahasa yang indah dan puitis. Jelasnya, walaupun Loo Mun bukanlah pengarang berbangsa Melayu, tetapi beliau masih mampu memperlihatkan dan memelihara ciri-ciri pantun Melayu amat mengesankan. Mesej yang disampaikan dapat dijadikan sebagai rujukan sehingga kini.


2.2 Tinjauan Literatur Mengenai Teori Keindahan Braginsky

Kajian menggunakan Teori Keindahan Braginsky sebagaimana kajian oleh Aisyah Humaira Mustapha Faizul (2023) yang bertajuk *Keindahan Perlambangan Alam dalam Peribahasa Melayu melalui Teori Keindahan Braginsky*. Kajian ini menyenaraikan dan menerangkan 11 simbol alam semula jadi yang terdiri daripada enam simbol alam semula jadi hidup dan lima simbol alam semula jadi bukan hidup. Tambahan lagi, pengkaji turut mengelaskan keindahan tersebut kepada dua kategori iaitu aspek keindahan dalaman yang terdiri daripada asal usul keindahan. Manakala, aspek kedua ialah keindahan luaran yang terdiri daripada sifat-sifat immanen keindahan dan psikologi persepsi keindahan. Sehubungan itu, kajian ini memperlihatkan keindahan tersebut melalui asal usul keindahan yakni keindahan Illahi, pemakaian gaya bahasa simile dan perlambangan serta kesan keindahan dalaman dan luaran terhadap jiwa khalayak pembaca mahupun pendengar. Jelaslah, keindahan perlambangan alam bukan sahaja dilihat menerusi simbol yang digunakan dalam peribahasa, namun asal usul penciptaan alam, gaya bahasa dan kesan daripada keindahan tersebut turut menjadikan peribahasa Melayu itu kelihatan indah dan baik dari aspek dalaman mahupun luaran. Walaupun menggunakan aplikasi teori yang serupa, kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan menumpukan kepada pendekatan keindahan luaran iaitu psikologi persepsi keindahan yang akan menghubungkan tema nasihat sebagai analisis kepada kajian ini.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan terhadap karya *Pantun Peribahasa*

Melayu gubahan Loo Mun (1968) dengan memfokuskan kepada konsep keindahan luaran yang terdapat di dalam Teori Keindahan Braginsky (1994). Aspek keindahan atau estetika di dalam sastra Melayu Tradisional seringkali dikaji dengan pelbagai teori tempatan dan juga teori Barat seperti Teori Pengkaedahan Melayu gagasan Hashim Awang, Teori Puitika Sastra Melayu gagasan Muhammad Haji Salleh, Teori Estetika Bersepadu gagasan Abdul Halim Ali, dan juga sering dikaji menggunakan analisis Semantik Inkuisitif. Walaubagaimanapun, kajian ini menumpukan kepada Teori Keindahan Braginsky kerana ketepatannya untuk mengkaji keindahan pantun Melayu.. Justeru, teori ini dapat disesuaikan dengan objektif kajian iaitu mengenalpasti dan menghuraikan aspek keindahan nasihat dan sindiran yang menekankan kepada kesan psikologi yang ditinggalkan oleh pengarang kepada khalayak. Melalui Teori Keindahan Braginsky, aspek keindahan luaran iaitu Psikologi Persepsi Keindahan dipilih sebagai panduan sepanjang kajian ini dijalankan. Menurut Braginsky (1994:25), keindahan luaran adalah keindahan yang diperhatikan oleh pancaindera atau dicerap oleh pancaindera. Psikologi adalah suatu bentuk kajian terhadap mental, jiwa atau rohani individu serta melihat kepada interaksi seseorang dengan keadaan di persekitarannya sama ada secara fizikal mahupun sosial. Aspek psikologi persepsi keindahan akan mmebincangkan mengenai tentang “keindahan” yang terkandung di dalam sesebuah karya kesusasteraan sehingga meninggalkan kesan kepada khalayak pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, sifat keindahan yang dijelaskan dengan pelbagai bentuk mampu mendorong kepada keharmonian yang pada akhirnya akan meninggalkan kesan terhadap jiwa khalayak yang menerima, mendengar dan mengamati keindahan yang disampaikan melalui sesebuah karya kesusasteraan. Prinsip psikologi persepsi keindahan jika diamati secara luaran, proses keindahan itu dapat dirasakan melalui pancaindera zahir dan kesan yang dirasai adalah melalui kekuatan akal fikiran mereka untuk mencerap mesej di balik pancaindera tersebut. Carta alir penyelidikan di bawah ini memperihalkan keseluruhan tatacara penyelidikan ini dilakukan bagi menyelesaikan kedua-dua objektif kajian iaitu:



RAJAH 1: Carta Alir Penyelidikan


4. Analisis dan Dapatan Kajian

Setelah membaca dan menghayati sebanyak 80 rangkap pantun-pantun peribahasa yang terkandung di dalam teks *Pantun Peribahasa Melayu* gubahan Loo Mun, pengkaji dapat mengenalpasti bahawa pelbagai tema telah menunjangi teks tersebut. Walaubagaimanapun, kebanyakan tema yang dibawa di dalam karyanya membawa tema nasihat. Menurut Othman Puteh (dalam A.Halim Ali, 2020: 94), seseorang pengarang mengarang kerana ada sesuatu yang ingin disampaikan. Dengan itu, pengarang menampilkan kebijaksanaannya dalam menyampaikan mesej kepada pembaca.

Justeru, tema nasihat yang digarap dengan beberapa bentuk seperti nasihat berbentuk membina, nasihat berbentuk sindiran, nasihat berbentuk teguran dan juga nasihat berbentuk larangan menjadi analisis kepada kajian ini. Selain itu, peribahasa yang bertemakan nasihat dipilih kerana secara umumnya ia ditujukan kepada golongan yang lebih muda atau orang yang lebih kurang sebaya dengan pembicara. Melalui nasihat yang dibawanya secara tersirat, pengkaji telah mendapati bahawa nasihat-nasihat yang disampaikan menggunakan peribahasa secara kiasa supaya nasihat yang disampaikan dapat difahami oleh khalayak secara lebih lembut. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Melayu cenderung untuk menggunakan kiasan dalam membicarakan sesuatu yang tidak manis supaya tidak mengguris hati dan perasaan si pendengar. Menurut Amat Juhari (2008: 76) mengatakan bahawa pantun peribahasa digunakan untuk mengatakan sesuatu tetapi tidak secara langsung supaya orang berkenaan tidak

begitu terasa pukulannya. Jelasnya, aspek psikologi diutamakan di dalam keindahan berbahasa supaya ianya tidak mengguris hati secara tersurat.

Prinsip Psikologi Persepsi Keindahan di dalam Teori Keindahan Braginsky dipilih sebagai kerangka kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesan emosi yang dihasilkan melalui pemerhatian atau cerapan oleh pancaindera akan menjadikan khalayak tersebut dapat memahami mesej yang disampaikan dengan menggunakan kebijaksanaan akal. Hal ini dapat dilihat melalui keterangan rajah di bawah:



RAJAH 2: Proses Psikologi Persepsi Keindahan

4.1 Nasihat Berbentuk Membina

Kata “nasihat” di dalam *Kamus Dewan Edisi Baru* (1993: 857) didefinisikan sebagai ajaran, petunjuk yang baik, peringatan. Nasihat seringkali diucapkan oleh golongan tua kepada golongan yang lebih muda dengan tujuan dapat memberikan ajaran dan peringatan tentang sesuatu. Hal ini dikatakan demikian kerana, nasihat yang diberikan terutama yang bentuk membina akan memberi semangat kepada mereka yang dinasihati kerana ianya bersifat positif. Semangat dan bersemangat dimaknakan sebagai kemahuan untuk melakukan sesuatu, nafsu untuk melakukan kerja (*Kamus Dewan Edisi Keempat*: 2007, 1433). Ini membuktikan nasihat yang positif akan menimbulkan perasaan yang gembira, bersemangat, dan azam untuk maju ke depan. Peribahasa yang dapat dijadikan sebagai contoh adalah,

Raja Ali panglima
Daik, Mati berperang
dengan penjahat;
Biar mati dengan nama yang
baik, Jangan mati dengan
nama yang jahat.

(Loo Mun, 1968: 9)

Kilat bersabong silang menjilang,
Hendak memanah dewa dan
mambang; Harimau mati
meninggalkan belang, Gajah
mati meninggalkan tulang.

(Loo Mun, 1968: 28)

Kalau tuan pergi ka-Kelang,
Jangan-lah pergi berlama-lama;
Harimau mati meninggalkan

belang, Manusia mati
meninggalkan nama.

(Loo Mun, 1968: 45)

Berdasarkan tiga rangkap pantun peribahasa di atas, baris maksud yang diwakili oleh peribahasa iaitu “Biar mati dengan nama yang baik, jangan mati dengan nama yang jahat”, “Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang” dan “Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama” menjelaskan mesej yang berunsur nasihat yang membina kepada masyarakat. Melalui peribahasa tersebut, pancaindera zahir seperti mata dan telinga dikenalpasti sebagai yang telah terlibat dalam pemerhatian ini. Pengarang menggunakan elemen pemerhatian kepada haiwan iaitu gajah dan harimau. Demikian, gajah digunakan sebagai perlambangan kepada perbuatan manusia dalam kehidupan seharian yang merujuk kepada perbuatan yang positif dan juga sebaliknya. Dalam konteks peribahasa ini, unsur gajah digunakan bagi memaparkan kekuatan, kekuasaan yang dimiliki oleh seseorang (Aminnudin Saimon & Muhammad Fuad Roslan, 2022: 10). Manakala, harimau pula digunakan sebagai membawa makna berani. Kedua-dua unsur ini membawa makna yang positif kepada masyarakat Melayu dengan mengambil unsur kekuasaan, kekuatan dan keberanian. Unsur positif ini kemudiannya diangkat sebagai nasihat kepada masyarakat untuk menggunakan unsur-unsur tersebut dan melakukan kebaikan di dalam kehidupan.

Seterusnya, personafikasi ‘meninggalkan’ menurut konteks pengarang adalah berkaitan dengan jasa yang telah dilakukan. Ini kerana, kebaikan yang dilakukan oleh seseorang akan sentiasa dikenang. Dalam konteks ini, pancaindera zahir iaitu pendengaran digunakan kerana kematian seseorang akan tersebar bersama kebaikan yang dilakukan. Justeru, pengarang menyampaikan nasihat melalui peribahasa yang bersifat membina secara positif dalam menggalakkan khalayak untuk melakukan kebaikan semampu yang mungkin. Jelaslah, pancaindera yang melihat dan mendengar digunakan sebagai pemerhatian di dalam kajian. Metafora dihubungkan dengan unsur haiwan yang membawa makna positif disesuaikan dengan cara hidup masyarakat Melayu sehingga mampu menonjolkan keindahan nasihat melalui puisi. Natijahnya, nasihat yang memberi semangat sering datang bersama dengan simbol yang membawa makna positif.

4.2 Nasihat Berbentuk Larangan

Nasihat berbentuk larangan bersifat menahan atau tidak membenarkan khalayak melakukan sesuatu yang tidak baik atau tidak mendatangkan faedah supaya tidak merugikan diri sendiri. Larangan di dalam Kamus Dewan Bahasa (2007: 893) bermaksud sesuatu yang dilarang atau terlarang iaitu tidak boleh dikerjakan, tidak boleh dibenarkan, dan tertegah. Melarang pula bermaksud menahan daripada melakukan sesuatu, tidak membenarkan, tidak mengizinkan dan menegah. Nasihat yang berbentuk larangan dapat dilihat melalui peribahasa di bawah:

Jika tuan pergi ka-Jambi,
Jangan lupa
membawa golok; Baik-lah
bawa resmi padi,

Samakin berisi samakin tundok.

(Loo Mun,
1968: 10)

Melalui peribahasa “Baik-lah bawa resmi padi, samakin berisi samakin tundok” secara umumnya membawa makna seseorang itu hendaklah mempunyai peribadi yang mulia dan merendah diri, dan janganlah menjadi seorang yang sombong dan bongkak walaupun mempunyai kedudukan yang tinggi, sama ada banyaknya wang ringgit, kekayaan, taraf pekerjaan atau darjat yang tinggi. Berhubungan itu, pengarang menetengahkan pemikirannya melalui pemerhatiannya terhadap “padi” yang secara dasarnya berkait rapat dengan masyarakat Melayu itu sendiri. Resmi di dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 1323) diertikan sebagai resam, sifat semula jadi, sifat khas yang merujuk kepada benda, adat, perangai dan tabiat atau kelakuan serta pembawaan diri. “Padi” dicirikan dengan sifat rendah diri yang menghasilkan peribahasa yang mengandungi unsur nasihat dan unsur larangan. Menurut Junani Kasdan dan Julainan Nopiah (2021: 65), masyarakat yang dilatari oleh ‘padi’ sahaja yang tahu bagaimana sifat pertumbuhan tumbuhan ini. Ini kerana seseorang yang pernah melihat sifat pertumbuhan padi pasti tahu bahawa padi akan merunduk apabila ia sedang masak.

Justeru, melalui peribahasa yang dinyatakan, pengarang menyampaikan nasihatnya kepada khalayak untuk mengikut ‘resmi padi’ yang apabila semakin masak, semakin tunduklah ia di mana seseorang yang semakin berilmu atau berjaya haruslah tetap merendahkan dirinya dan tidak bersifat tinggi seperti lalang yang membawa sifat negatif. Ini kerana, menurut Dahlia Janan dan Sri Lanang Jaya (dalam Junaini Kasdan & Julaina Nopiah, 2021: 68) yang menerangkan sifat lalang adalah sifat yang bertentangan dengan padi, yang mana apabila lalang semakin berbunga, ianya akan semakin menjulang ke langit walaupun realiti dalam kehidupan ianya tidak dipedulikan orang sekeliling dapat diibaratkan seperti prinsip kejahatan dan kebaikan. Jelasnya, elemen pancaindera melalui pemerhatian menjadikan ‘padi’ sebagai simbol yang mempunyai makna positif di dalam masyarakat Melayu sehingga mampu dijadikan sebagai elemen dalam memberi nasihat dan larangan.

4.3 Nasihat Berbentuk Teguran

Teguran di dalam *Kamus Dewan Bahasa* (2007: 1627) didefinisikan sebagai hasil perbuatan menegur, sapa; celaan, ajaran, cerca, kritikan, petunjuk. Manakala menegurkan pula bermaksud memberi nasihat, memperingatkan, menasihatkan, mengingatkan, dan menunjuk ajar. Maka, nasihat yang berbentuk teguran secara tidak langsung bersifat menegur sesuatu perbuatan secara lembut menggunakan gaya bahasa yang indah demi menjaga hati dan perasaan si penerima. Contoh peribahasa yang berkaitan dapat dikenalpasti seperti di bawah:

Ada yang bengkok ada
yang lurus, Ada yang
tinggi ada yang rendah;
Belum pandai membuang
hingus, Sudah hendak
berjuang lidah.

(Loo Mun, 1968: 11)

Berdasarkan peribahasa “Belum pandai membuang hingus, sudah hendak berjuang lidah” yang diibaratkan sebagai seseorang yang sedikit ilmunya tetapi mempunyai keberanian untuk mencabar seseorang yang memiliki ilmu yang lebih tinggi daripadanya. Ilmu di dalam laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka diertikan sebagai pengetahuan atau kepandaian tentang hal yang berkaitan dengan dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain. Melalui peribahasa ini, dapat dilihat bahawa pengarang cuba mengetengahkan sifat “belum pandai membuang hingus” melalui pemerhatiannya adalah merujuk kepada kanak-kanak yang belum pandai membuang hingusnya. Kanak-kanak merujuk kepada usia 6 hingga 12 tahun (Othman Puteh, 1984:4). Ini menunjukkan pada usia sebegini, anak-anak masih belajar tentang erti kehidupan. Tambahan lagi, usia kanak-kanak juga merupakan usia untuk belajar mengenal dunia serta ilmu-ilmu lainnya. Rentetan ini, istilah “sudah hendak berjuang lidah” ditujukan kepada golongan kanak-kanak yang sudah berani untuk melawan kata-kata mereka yang lebih dewasa.

Walaubagaimanapun, teguran di dalam konteks peribahasa ini adalah untuk menegur kepada masyarakat umum supaya tidak menunjukkan kebodohan diri dengan mencabar seseorang yang memiliki kelebihan daripadanya terutama orang yang lebih tinggi ilmunya dan lebih luas pengalamannya. Sehubungan itu, pemerhatian terhadap sikap kanak-kanak yang masih berhingus tetapi sudah pandai untuk berlawan kata-kata dijadikan pilihan oleh pengarang untuk menyampaikan makna secara tersirat. Ini kerana sikap sebegini sering menimbulkan rasa geli hati apabila mereka yang kekurangan ilmunya atau kebolehan mempunyai keberanian untuk mengatasi mereka yang jauh lebih hebat tanpa melihat kepada kekurangan diri sendiri. Jelasnya, teguran ini diberikan secara lembut agar tidak menyinggung perasaan tetapi meinggalkan kesan yang mendalam kepada penerimanya.

4.4 *Sindiran berbentuk sinis*

Sindir, sindiran, dan menyindir bermaksud perkataan dan lain-lain yang digunakan untuk mengatai secara mengeji, mengejek, dan mencela orang tidak dengan terus terang iaitu secara kiasan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007: 1499). Sindiran yang sinis kebiasaanya bersifat kasar. Sinisme merupakan suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan atau ketulusan hati penutur. Ianya bersifat mengejek dan mencari kesalahan orang lain (Keraf dalam Siti Norsyahida Mohd A Rashid & Nor Azuwan Yaakob). Hal ini dapat dilihat melalui contoh di bawah:

Burong nasar terbang
ka-gunong, Mari
hinggal di- Kota
Melaka;
Niat hati na' pelok gunung,
Sudah terpelok biawak chelaka.

(Loo Mun, 1968: 37)

Berdasarkan peribahasa “Niat hati na' pelok gunung, sudah terpelok biawak

chelaka” membawa maksud berhajat kepada sesuatu yang baik, tetapi perkara yang tidak baik diperolehi. Peribahasa ini digunakan bagi menyindir seseorang yang menginginkan sesuatu yang besar melebihi kemampuannya, tetapi tidak menyedari perkara itu hanya akan mendatangkan kerugian hanya kerana rasa tamak yang menghasut diri. Dalam konteks peribahasa ini, pengarang menggunakan pancaindera penglihatannya untuk melihat gunung dan menggambarkan gunung itu sebagai hasrat yang tinggi, sesuatu yang besar dan menjadi idaman tetapi hasrat itu terlalu besar sehingga mendatangkan musibah kepada diri sendiri. “Biawak” digambarkan sebagai musibah oleh pengarang kerana idaman terhadap gunung adalah sesuatu yang tinggi tetapi keinginan yang berlebihan yakni tamak hanya mendatangkan keburukan kepada seseorang itu. Sehubungan itu, kejayaan atau kemahuan yang diinginkan terhalang kerana perasaan terlalu tamak dan rasa tidak cukup akan sesuatu. Pengarang menyindir masyarakat yang tidak bersyukur dengan apa yang dimiliki malah memilih untuk bersikap tamak sehingga menyusahkan diri sendiri apabila ditimpa malapetaka. Mesej yang hendak disampaikan juga dapat dikaitkan dengan keinginan terhadap sesuatu yang diidamkan tidak tercapai, tepai turut mendapat masalah dalam keadaan serentak seperti “yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran”. Jelasnya, pengarang mengharapkan sindiran yang disampaikan dapat dijadikan sebagai pengajaran untuk semua anggota masyarakat agar sentiasa beringat akan kemampuan diri sendiri.

4.5 Sindiran berbentuk sarkasme

Menurut Siti Norsyahida Mohd A Rashid dan Nor Azuwan Yaakob (2017: 23), sindiran yang berbentuk sarkasme atau sarkastik merupakan ujaran yang penuh cemoahan dan celaan. Kata-kata yang mengandungi sarkastik bersifat keras dan kasar serta menyakitkan hati orang yang ditujukan bahasa sindiran itu. Penggunaan sarkastik yang kasar sering diujarkan ketika emosi seseorang tidak dapat dikawal dan berada dalam keadaan marah akibat sesuatu perkara. Bentuk sarkasme dapat dilihat melalui contoh peribahasa di bawah:

Terbang pipit
terbang-lah helang,
Mati sa-ekor kena
sambar; Bintang
di-langit dapat
di-bilang, Arang
di-muka-nya ta’ sedar.

(Loo Mun, 1968: 25)

Berdasarkan peribahasa “Bintang di-langit dapat di-bilang, Arang di-muka-nya ta’ sedar” menggambarkan sindiran kepada seseorang yang suka menegur kesalahan orang lain, tetapi lebih tidak melihat kesalahan sendiri. Peribahasa ini juga dapat dikaitkan dengan “menjaga tepi kain orang” kerana sikap suka memerhati dan mengutarakan kesalahan seseorang lebih daripada melihat kesalahan yang dibuat diri sendiri. Maka, pengarang menggunakan lambang “bintang” yang secara logik akal nya tidak dapat dikira dan tidak terkira tetapi menggambarkan golongan ini mampu untuk mengira bintang di langit kerana sikap mereka yang terlalu kisah tentang hidup orang lain. Tambahan lagi, arang digunakan sebagai objek yang mengotori dan menghitamkan wajah tetapi golongan seperti ini tidak sedar bahawa

mereka mencemuh orang lain dengan wajah yang hitam dan kotor. Oleh itu, nasihat ini disampaikan secara sarkastik kepada mereka yang suka menjaga hal orang lain tetapi mengabaikan kepentingan diri sendiri dan keluarga. Jelasnya, sindiran yang berbentuk sarkastik ini diharapkan oleh pengarang dapat menyedarkan pelaku tentang perbuatannya agar tidak mengulangnya lagi di masa hadapan.

4.6 *Sindiran berbentuk ironi/halus*

Bahasa sindiran berbentuk ironi ialah bahasa sindiran yang diungkapkan oleh seseorang secara halus. Walau bagaimanapun makna di sebalik ujaran itu mempunyai makna yang tajam. Sindiran bentuk ini disampaikan secara lembut tetapi orang dituju akan memahaminya sekaligus merasai kesan dan nada sindirannya yang bersifat tajam (Siti Norsyahida Mohd A Rashid & Nor Azuwan Yaakob, 2017: 22). Kerangka Keraf (2007) di dalam kajian tersebut juga menerangkan ironi gaya bahasa yang menyatakan sesuatu secara bertentangan dengan membawa makna mengejek. Justeru, berikut merupakan contoh peribahasa yang berbentuk sindiran ironi:

Kalau masok ka-dalam
liang, Berjaga-jaga
di-gigit anggara;
Besar pasak dari tiang,
Besar sendal dari pelegar.

(Loo Mun, 1968: 42)

Berdasarkan peribahasa “Besar pasak dari tiang, besar sendal dari pelegar” yang bermaksud berbelanja lebih besar daripada pendapatan. Hal ini menggambarkan gaya hidup seseorang yang gemar untuk berbelanja melebihi pendapatan sehingga menimbulkan sikap suka berhutang demi memenuhi kehendak untuk berbelanja. Tambahan lagi, sikap sebegini adalah tidak wajar kerana akan mengganggu pendapatan serta menyebabkan gaya hidup yang tidak seimbang. Perbelanjaan yang melebihi pendapatan dikhuatiri menyebabkan seseorang itu tidak mempunyai simpanan wang untuk perkara-perkara kecemasan sehingga menyusahkan pelbagai pihak.

Pengarang menggambarkan “pasak” dan “sendal” sebagai perbelanjaan serta “tiang” dan “pelegar” sebagai pendapatan. Walaubagaimanapun, perbezaan saiz yang dinyatakan menyebabkan ianya tidak mampu untuk menampung tiang dan pelegar sehingga menyebabkan ianya tidak kukuh. Perkara ini secara tidak langsung akan mengganggu hal-hal yang berkaitan dan dirisaukan akan menimbulkan masalah jangka pendek dan jangka panjang. Oleh itu, kiasan ini digunakan agar dapat menyindir golongan yang kurang bijak dalam mengawal perbelanjaannya seiring dengan pendapatan yang diperoleh supaya mereka tidak berterusan melakukan hal sebegini sehingga diri sendiri merana. Jelasnya, pengarang berharap masyarakat lebih bijak untuk mengawal perbelanjaan supaya tidak menyesal di kemudian hari.

5. Rumusan dan cadangan

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian ini dapat dilihat bahawa peribahasa yang bertemakan nasihat dan sindiran sebagai medium yang dapat memberi pengajaran dan kesan kepada khalayak. Berdasarkan huraian dan analisis data, dapat dilihat bahawa dapatan kajian memenuhi objektif kajian secara menyeluruh iaitu mengenal pasti dan menghuraikan keindahan nasihat dan sindiran yang terdapat dalam *Pantun Peribahasa Melayu* gubahan Loo Mun (1968) melalui penerapan prinsip psikologi persepsi keindahan di dalam teori Keindahan Braginsky (1994).

Aspek nasihat dan sindiran di dalam kajian ini merupakan satu kajian yang menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana, saudara Loo Mun berjaya memperlihatkan kebolehannya dalam menghasilkan karya sastera Melayu Tradisional walaupun beliau berbangsa Cina. Penerapan tema nasihat dan sindiran ini adalah bersifat terbuka dan unibersal kepada semua masyarakat tanpa mengira perbezaan ras, agama dan bangsa. Tambahan lagi, nasihat dan sindiran yang diberikan melalui peribahasa memperlihatkan keindahan melalui pemilihan lambang di dalam peribahasa dan kebijakan pengarang dalam memasukkan fikirannya untuk masyarakat. Pengarang memanfaatkan pancaindera yang dimiliki secara zahir untuk memerhati perkaitan alam sekeliling dengan cara hidup masyarakat Melayu dan menjalinkannya menjadi sebuah karya yang indah dan bermanfaat. Karya tersebut pada akhirnya mampu meninggalkan kesan kepada khalayak penerima secara positif. Oleh itu, secara ringkasnya dapat memperlihatkan pembahagian aspek nasihat kepada beberapa bentuk seperti nasihat yang membina, larangan dan teguran. Penggunaan gaya bahasa yang menarik dapat menjadikan amanat nasihat itu mudah difahami dan diterima. Sama juga seperti aspek sindiran yang dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu, sindiran berbentuk sinis, sarkastik dan ironi. Sindiran yang terkandung di dalam peribahasa diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat. Jelasnya, kajian yang dijalankan diharapkan mampu memberi manfaat kepada bidang bahasa dan juga sebagai rujukan masyarakat dengan mengaplikasikan pengetahuan yang terkandung di dalam kajian ini.

Rujukan

- Amat Juhari Moain. (2008). *Pemilihan Kata dalam Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminnudin Saimon & Muhammad Fuad Roslan. (2022). Gajah dalam Peribahasa Melayu: Analisis Rangka Rujuk Silang. *LSP International Journal*, 9(2). 1-16. Retrieved from <https://journals.utm.my/lsp/article/download/18883/8090/66825>
- Aisyah Humaira' Mustapha Faizul. (2022). Keindahan Perlambangan Alam dalam Peribahasa Melayu Melalui Teori Keindahan Braginsky. *Tesis Ijazah Sarjana Muda*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Abdul Halim Ali. (2020). Kesepaduan Stail Dengan Perutusan Dalam Sajak-sajak Terpilih Lima Penyair Sabah. *Jurnal Melayu*, 19(1), 88- 104. <https://journalarticle.ukm.my/14804/1/39103-124193-1-SM.pdf>
- Fadzilah Amzah. (2016). *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh Hin San & Azhar Wahid. (2023). Unsur keindahan dan Nilai Murni dalam Pantun

- melayu gubahan Loo Mun berdasarkan Teori Puitikan Sastera Melayu. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 11(2). 54-69. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/181>
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussain Itam. (1961). *Pantun Melayu digubah oleh Loo Mun*. <https://malaycivilization.com.my/files/original/d7f026a2c8b315a0520d08710152c090.pdf>
- Harun Mat Piah. (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Johari Yahya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Ijazah Sarjana Muda*. Universiti Sains Malaysia.
- Khadijah Hashim. (2015). *Pantun Peribahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Loo Mun. (1968). *Pantun Peribahasa Melayu*. Petaling Jaya: Mary Josephine Thoo.
- Muhammad Haji Salleh. (2016). *Ghairah Dunia dalam Empat Baris*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Rais Yatim. (2013). *Pantun & Bahasa Indah Jendela Budaya Melayu*. Endowment Publications.
- V.I Braginsky. (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 07(2017). 17-29. Retrieved from [file:///C:/Users/Acer/Downloads/1097%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/Acer/Downloads/1097%20(1).pdf)
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi Leksikal “Bunga” dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 5(4). 40-66.
- Othman Puteh & Abdul Ahmad. (1984). *Sekitar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. (1962). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.